

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP
[MERBOK]**

TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan isu pembalakan haram yang berleluasa apakah langkah-langkah kawalan terbaru serta pemantauan menggunakan teknologi terkini bagi tujuan pemantauan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah kawalan terbaharu serta pemantauan menggunakan teknologi terkini yang dilaksanakan oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli serta Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri adalah seperti berikut:

- (i) Menubuhkan Bilik Pemantauan Sumber Hutan yang dikenali sebagai *War Room* sebagai sebuah bilik gerakan yang menjadi hub-berpusat (*one stop centre*) di JPSM yang bertujuan bagi memperkasakan aktiviti pemantauan sumber hutan negara. Pemantauan dilaksanakan melalui sistem *Forest Monitoring using Remote Sensing* (FMRS) bagi mengesan sebarang perubahan yang berlaku di dalam hutan simpanan kekal (HSK);
- (ii) melaksanakan inisiatif *Continuous Monitoring of Surveillance* (COMOS) yang dibangunkan oleh Jabatan Hutan Sarawak di mana sistem ini berupaya untuk menggabungkan analisis imej

satelit setiap minggu, menentusahkan titik kordinat di lapangan menggunakan pesawat *hyperspectral* yang dilengkapi kamera dan seterusnya maklumat disalurkan kepada pasukan di lapangan untuk tindakan penguatkuasaan; dan

- (iii) penggunaan imej satelit sebagai langkah pemantauan jarak jauh (*remote sensing*) melalui sistem aplikasi *iForSabah* yang dibangunkan oleh Jabatan Perhutanan Sabah dan Agensi Angkasa Malaysia untuk mengesan sebarang perubahan yang berlaku dalam kawasan hutan simpan di Sabah.

3. Selain itu, KeTSA melalui JPSM juga sedang melaksanakan Projek Pendigitalan Sumber dan Operasi Perhutanan untuk membantu menyelesaikan masalah yang melibatkan perancangan, pengurusan dan pemantauan hutan serta hasilnya. Penggantian penggunaan cara kerja manual kepada penggunaan teknologi *Internet of Things* (IoT) dan digital menjadikan data lebih tersusun dan mudah dicapai serta mengurangkan kesilapan manusia dan ketirisan dalam proses kutipan hasil kayu bulat yang sering berlaku di lapangan. Projek yang dianggarkan bernilai RM28.5 juta ini turut membantu mempercepatkan proses pengeluaran pas pemindah yang dilaksanakan secara manual buat masa ini.

4. Di bawah projek ini, JPSM akan membangun, memperluas dan mengukuhkan pelbagai sistem Aplikasi Teras Perhutanan, Aplikasi Sokongan, Aplikasi Berasaskan Geospatial, aplikasi mobile dan laman web sedia ada. Melalui pelaksanaan projek ini, pengurusan hutan tropika secara berkekalan akan diperkasakan dan menjadikan ICT serta teknologi geospatial sebagai pemangkin ke arah transformasi maklumat yang komprehensif dan berkualiti dalam merancang dan menguruskan sumber hutan secara efisien.

Sekian, terima kasih.